

Bulan Bahasa Kebangsaan

Dirujuk oleh

- 1962-08-03: Acara Bulan Bahasa Kebangsaan
- 1966-06-27: Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK)

1960: Minggu Bahasa Kebangsaan



TUNKU Abdul Rahman Putra Al-Haj melancarkan Minggu Bahasa kebangsaan pada 1960.

1. Minggu Bahasa Kebangsaan

GERAKAN untuk menimbulkan kesedaran dan kecintaan terhadap bahasa kebangsaan di kalangan rakyat dilancarkan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 30 Januari 1960 dan berakhir pada 6 Februari 1960.

Gerakan yang dipelopori oleh Tun Syed Nasir Ismail ini diadakan di setiap negeri Persekutuan Tanah Melayu. Pada tahun 1961, gerakan ini diangkat menjadi gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan.

(Klik DBP @ Berita Harian, 18 Julai 2005:

"Kempen Kesedaran Bahasa dari Dahulu dan Kini").

Imbas Kembali



MINGGU BAHASA KEBANGSAAN

Program Minggu Bahasa Kebangsaan dilancarkan pada 30 Januari 1960 dan berakhir pada 6 Februari 1960. Tujuan program ini adalah untuk menimbulkan kesedaran dan kecintaan rakyat terhadap bahasa kebangsaan. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) diberi kepercayaan untuk merancang dan mengatur persiapan bagi melaksanakan program ini. Program ini diperbesar menjadi gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) pada tahun 1960.



“Gerakan inilah hanyalah salah satu daripada ikhtiar untuk mendapatkan matlamat terakhir daripada cita-cita kebangsaan yang besar, iaitu meletakkan bahasa kebangsaan itu pada tarafnya yang sebenar dan menjadikan bahasa kebangsaan itu suatu alat kehidupan kebangsaan yang berjalan sama seiring dengan proses kemajuan bangsa dan negara kita, baik dalam lapangan politik, ekonomi, sosial dan ilmu pengetahuan.”

(Petikan kata alu-aluan YBhg. Tun Syed Nasir Ismail, Pengarah DBP Kedua, dalam Bunga Rampai Bulan Kebangsaan, 1963)

10 "MARTABATKAN BAHASA KEBANGSAAN KITA"

(ISMAIL BIN DAHAMAN / BKK, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia @ Facebook, 12 Oktober 2017:

"INFORMASI BULAN BAHASA KEBANGSAAN DAN PROMOSI SERTA PUBLISITI GERAKAN BAHASA KEBANGSAAN").

1961: Bulan Bahasa Kebangsaan



MAJLS pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan pada 1961.

2. Bulan Bahasa Kebangsaan

PADA tahun 1961, sekali lagi DBP menerima tugas daripada Kementerian Pelajaran untuk menangani gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan yang dilancarkan pada 28 Januari 1961. Bulan Bahasa Kebangsaan diadakan selama enam tahun, iaitu dari tahun 1961 hingga 1966.

(Klik DBP @ Berita Harian, 18 Julai 2005:

"Kempen Kesedaran Bahasa dari Dahulu dan Kini").

BULAN BAHASA KEBANGSAAN

Program Bulan Bahasa Kebangsaan dilaksanakan pada tahun 1961 hingga tahun 1966 dengan tujuan untuk menyuburkan dan menyemarakkan semangat cinta akan bahasa kebangsaan. Dalam tempoh ini, pelaksanaan dan pengisian acaranya diatur dengan lebih bersepodu di seluruh negara.



“Beta yakin setelah rancangan Bulan Bahasa Kebangsaan ini tamat, program ini akan memberikan kesedaran baharu kepada rakyat untuk mempelajari dan menggunakan bahasa kebangsaan dan menjadikan kewajipan mereka untuk membanggakan, menghormati, dan meletakkan bahasa kebangsaan itu di kemuncak penghormatan yang tinggi.”

(Petikan titah ucapan DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni al-Marhum Hisamuddin Alam Shah al-Haj, Sultan Selangor, sempena Majlis Penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan Negeri Selangor, 1964.)

BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2015 11

(ISMAIL BIN DAHAMAN / BKK, Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia @ Facebook, 12 Oktober 2017:


"INFORMASI BULAN BAHASA KEBANGSAAN DAN PROMOSI SERTA PUBLISITI GERAKAN BAHASA KEBANGSAAN").

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999
Siri Cebisan Sejarah:	Bangi	Gambang	Hutan	Ipo	Kajang	Kuala Lumpur	Kuantan	Pulau Pinang	Hubungi Kami	

Selain petikan dan sumber yang dinyatakan, rencana ini telah diusahakan oleh TMK Pulasan, di bawah kelolaan Syahrul Sazli Shaharir <sazli@pulasan.my>. Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

From:
<https://bangi.pulasan.my/> - Cebisan Sejarah Bangi



Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/bulan_bahasa_kebangsaan

Last update: **2021/08/16 12:29**